

**Pembangkok Tidak Mempunyai Ikatan Yang Ampuh - Najib
Bernama
8 April, 2013**

PUTRAJAYA, 8 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata parti-parti pembangkang sebenarnya tidak mempunyai satu ikatan yang ampuh dan boleh diyakini untuk membawa Malaysia ke mercu kejayaan.

Perdana menteri berkata selain tidak berdaftar sebagai satu parti, pembangkang juga bertanding dalam tiga parti yang berasingan dan ketiga-tiga parti itu turut mempunyai ideologi yang amat berbeza antara satu sama lain.

"Apakah ini boleh memberi keyakinan, (bahawa) mereka boleh mentadbir negara kita dengan baik, kalau mereka bercanggah tentang perkara fundamental, hala tuju, dasar induk dan sebagainya, terutama sekali antara DAP dan PAS, begitu bercanggah sekali," katanya dalam wawancara khas BernamaTV program 'Helo Malaysia' versi Tamil di saluran Astro502 malam ini.

Perdana menteri memberi jaminan bahawa kerajaan Barisan Nasional (BN) mampu membawa perubahan yang besar kepada negara dan perkara itu telah dibuktikan dalam tempoh empat tahun beliau menerajui kepimpinan negara.

"Saya percaya jika diberi mandat lima tahun akan datang, InsyaAllah, kita akan melakukan jauh lebih baik lagi," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=940505>